



**KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR,  
PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**

Unit Komunikasi Korporat  
Aras 2, No. 51, Persiaran Perdana  
Presint 4  
62100 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel: 03 – 8000 8000  
Faks: 03 – 8891 5557  
Laman Web: [www.kpkt.gov.my](http://www.kpkt.gov.my)  
Emel: [media.ukk@kpkt.gov.my](mailto:media.ukk@kpkt.gov.my)  
Twitter: [www.twitter.com/kpkt\\_gov](http://www.twitter.com/kpkt_gov)  
Facebook: [www.facebook.com/KPKTMalaysia](http://www.facebook.com/KPKTMalaysia)

---

Rujukan kami: KPKT/BPK/19/7/4 Klt.47 (50)

Tarikh : 7 November 2017

**Siaran Media**

**MAJLIS RAMAH MESRA YB MENTERI SEMPENA  
SAMBUTAN HARI INOVASI KPKT TAHUN 2017**

Putrajaya, 7 November 2017 - YB Menteri Kesejahteraan Bandar Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) merasmikan Sambutan Hari Inovasi bertemakan KPKT Peneraju Inovasi Bandar pada pagi ini.

2. Tema ini selari dengan agenda baru bandar (*New Urban Agenda*). Ia dapat dibuktikan melalui program-program yang telah dilaksanakan seperti Program MyBeautiful Neighbourhood (MyBN) yang menghasilkan impak yang tinggi melalui pendekatan NBOS.

3. KPKT melalui Bahagian Keurusetiaan Strategik dan Hubungan Antarabangsa (BKS) menganjurkan Sambutan Hari Inovasi KPKT 2017 setiap tahun adalah komitmen Kementerian untuk terus membudaya dan memperkasa inovasi di peringkat akar umbi dan mengiktiraf sumbangan warga KPKT dalam penghasilan idea kreatif dan inovatif menerusi pengiktirafan Anugerah Inovasi dalam enam (6) kategori iaitu :

- i. Anugerah Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK);
- ii. Pertandingan Pejabat Terbaik;
- iii. Anugerah Khas Daya Usaha KPKT;
- iv. Anugerah Khas Tokoh Inovasi;
- v. Anugerah Inovasi Menteri (AIM).
- vi. *The Asia Pacific ICT Awards (APICTA)*

4. Pengiktirafan pada hari ini juga diharap menjadi pemangkin yang perlu dicontohi oleh semua warga KPKT dan menjadi *benchmark* dalam usaha merencanakan lagi pembudayaan inovasi dan kreativiti. Kumpulan-kumpulan inovasi yang berjaya pada hari ini juga diharap akan mempunyai rancangan yang lebih strategik bagi perencanaan masa hadapan.

5. Majlis pada pagi ini juga adalah majlis ramah mesra yang memberi peluang kepada YB Menteri untuk menyampaikan harapan dan amanat kepada warga KPKT serta warga KPKT untuk mendekati pemimpin tertinggi KPKT serta mengenali warga KPKT yang lain.

---

*Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh YB Tan Sri Noh bin Haji Omar. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu PLAN Malaysia; Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia; Jabatan Perumahan Negara; Jabatan Kerajaan Tempatan; Jabatan Landskap Negara; Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara; Solid Waste Corporation Malaysia; Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata; dan Institut Latihan Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.*

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555

Faks : 03-8891 5557

E-mel : [media.ukk@kpkt.gov.my](mailto:media.ukk@kpkt.gov.my)